

DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI
SAIFUDDIN D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., DENGAN SUKACHI-
TA BAGINDA MENGUCHAPKAN SELAMAT HARI RAYA 'A I D I L
FITRI KAPADA SELUROH UMAT ISLAM UMUM-NYA.

Pelita



Brunei

DICETAK
OLEH
THE BRUNEI PRESS

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJA'AN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

15hbl. April, 19

السلامة برقاري

عيد الفطري

S E L A M A T H A R I R A Y A ' I D I L F I T R I

PELITA BRUNEI, Pegawai Penerangan Negeri serta semua anggota di-Jabatan Penerangan seluruh Negeri Brunei dengan ini sukachita mengucapkan Selamat Hari Raya 'Idil Fitri kepada segala lapisan Umat Islam, 'am-nya kepada para penganut Pelita Brunei, dan seluruh-nya.

Kita berdo'a ka-hedzrat Ilahi semoga perpaduan mohibbah di-antara segala bangsa akan kekal abadi, membuat kebajikan bergutong royong dengan tujuan dan menuju ka-arrah kebahagiaan bersama.

Mudah2an dengan sempana hari yang berbahagia ini kita sekalian akan di-dalam selamat dan sentiasa bersukaria dengan penuh kegembiraan dan tenang hati.

LAPAN BELAS BUAH JAWATAN-KUASA DI-BENTOK

Dalam permashuaratan Jawatan Kuasa Agong Istiadat Berkhatan Putera di-Raja yang telah berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada 7hbl. April yang lalu, Jawatan Kuasa itu telah memutuskan supaya 18 Jawatankuasa2 di-bentok untok melaksanakan segala persediaan yang akan di-gunakan pada hari2 istiadat itu.

Jawatan Kuasa Agong ini telah di-pengurusi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha dan Setia Usaha Agong-nya ia-lah Yang Berhormat Pengeran Mohammad Yusuf dengan di-bantu oleh Yang Berhormat Pengeran Ali dan Che'gu Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar.

Tiap2 Jawatan Kuasa di-bentok di-atas ini akan mengadakan permashuaratan-nya masing2 dan keputusan di-minta di-hantar kepada Setia Usaha Agong Istiadat Berkhatan Putera di-Raja, Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf.

KEJADIAN YANG HEBAT MENYEBABKAN ENAM MATI DAN SATU CHEDERA

Satu kejadian yang hebat dan yang menggemparkan telah berlaku di-kawasan perumahan Keraja'an di-Kampung Padang Baru, Bandar Brunei pada petang 6hbl. April, 1958 yang lalu. Kejadian ini telah menyebabkan 6 orang mati dan sa-orang chedera.



Peter Govilon, Sa-orang Dusun dari Penampang, Jesselton yang berkerja sabagai kerani di-Pejabat Wang, Brunei dengan menggunakan satu senapang patah dua laras telah meninbak 6 orang yang melimpas di-hadapan rumah-nya di-Jalan Tasek di-kawasan tersebut, (5) daripada mangsa2 itu telah mati dan satu chedera di-paha sebelah kiri.

Peristiwa telah berlaku kira2 jam 3.45 petang hari tersebut dan Peter telah dapat di-tawan setelah rumah-nya di-buangi bom asap dan ia terus mengunchikan diri-nya dalam bilik tidor-nya dan di-perchayai meninbak diri dengan senapang itu juga apakala mayat-nya di-dapati terlentang di-atas katel-nya dengan senapang di-hadapan di-antara dua kaki-nya kira2 pukul 6.00 petang itu. Peter berumur 43 tahun ber-isteri dan mempunyai 2 orang anak.

Orang2 yang telah terbunuh itu ia-lah Awangku Ahmad bin Pengeran Besar, pekerja di-Jabatan Kesehatan Bandar Brunei; Leong Siong Onn, anggota di-Jabatan Marine Bandar Brunei; Patrick Cheong Peek Thye, bekas kerani di-Syarikat Harison & Crossfield Ltd. Brunei; Tan You Boon penuntut di-Sekolah China Chung Hua dan Chew Boon Hing dari Kuala Belait.

Yang terchedera ia-lah Mansor bin Umar, projectionist di-Jabatan Penerangan Bandar Brunei, dan sekarang luka-nya sudah beransor baik.

Mayat2 yang malang menaenpoh maut itu telah di-kebunikan pada keisokan hari-nya.



Gambar2 yang menunjukkan

KEJADIAN YANG HEBAT

Hebat jua kejadian yang telah berlaku pada petang hari Ahad 6hbl. April yang lalu itu.

Gambar yang terdapat di-muka 3 dari atas ka-bawah menunjukkan:

May at Peter Govilon terlen-tang di-atas katil-nya apa-kala di-jumpai oleh Tuan Resident J.O. Gilbert, ber-sama dengan Tuan C.P.O. Autram dan O.C.P.D. Pengeran Jaya setelah pintu rumah itu sudah di-pechahkan, di-dalam bilek tidor Peter itu.

Kereta yang telah bersama terok akibat penimbakkan dari Peter dan Peter Sa-orang dari mangsa/yang punya kereta di-atas sedang di-tangisi oleh abang-nya.

BAYARAN... BANTUN

Mulai dari 1 haribulan yan lalu ini ia-itu lhbl. April kereta2 Kerajaan yang menggunakan bantun2 di-Belaït dan Baram ada-lah di-kenakan bayaran.

Tiap2 sa-buah kereta di-kenakan bayaran sebanyak \$3/- sa-kali menyeberang.


Dari-itu di-ma'alum-kan kepada Pejabat2 Kerajaan yang akan membeli tiket2 bantun dengan wang tura i hendak-lah berurus dengan Ibu Pejabat Sharikat Minyak, the Brum i Shell Petroleum Company Limited di-Seria.

Salanjut-nya tiap2 Pejabat Kerajaan yang berkena-an hendak-lah berhubung dengan atau memberikan daftar jumlah bilangan tiket2 yang di-gunakan pada tiap2 bulan kepada Pejabat Penolong Resident, Kuala Belaït.

A Y E R ! A Y E R ! -K E M A R A U ! ! !

Musim kemarau belum lagi berhujung, dan dari-itu kita menyeru kepada para pengguna ayer berkerjasama berikhtijar dan saterus-nya berjimat menggunakan ayer paip.

PENCHARAGA: POLICE BRUNEI KALI PINTA A. ALUAI




Jedno zameraksa Barisan Keamatan yang terdiri dari 20 orang Negeri Brunei
 dan lain-lain Yang Terutama Resor Jaya A. dan B. di bawah pimpinan di-lan-
 gara Asia. Sir Robert Scott apakah itu di-lan-gara teri ng Brunei kerana
 menghadiri Persidangan di antara daerah di-lan-gara British yang bertempat
 di-bandar Brunei tahun ini. Melaka telah tiba pada 12 April. March,
 1944.

Polis Brunei sedang bekerja di-lan-gara Barisan Police Negeri Brunei yang
 sedang bekerja dengan mereka, untuk membantu lain-lain Terutama itu.

Barisan Brunei yang pertama Brunei sedang bekerja sendiri.

- Gambar 2 UMS -



UCHAPAN PESUROH JAYA AGONG BAGI UNITED KINGDOM DI-TENG-

GARA ASIA, TUAN YANG TERUTAMA SIR ROBERT SCOTT
melalui Radio Brunei pada 31hb. March, 1958.

Sabagaimana para pendengaran Radio Brunei telah mengeta-
hui bahawa dengan kebenaran dan jemputan Duli Yang Maha Mu-
lia Al-Sultan kita telah mengadakan persidangan antara tiga
daerah yang telah berlangsung pagi tadi. Persidangan terse-
but di-adakan enam bulan sa-kali, bergiliran tempat-nya ia-
itu di-Brunei, di-Jesselton ataupun di-Kuching, Sarawak.
Yang menghadziri persidangan tadi ia-lah Duli Yang Maha
Mulia Maulana Al-Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya
Tinggi bagi Brunei dan juga Gubernur Sarawak, Gubernur Bor-
neo Utara dan saya sendiri, Pesuroh Jaya Agong bagi Teng-
gara Asia.

Saya telah di-jemput untuk berchakap sa-patah dua untuk
para pendengar berkenaan dengan persidangan tadi. Terlebih
dulu saya ingin hendak mengatakan bahawa satu daripada fa-
edah2-nya mengadakan persidangan tersebut ia-lah memberi
kesempatan untuk melawati daerah2 yang bagini permai. Ham-
pir duatahun yang lampau saya telah melawat Negeri Brunei
dan sekarang saya sangat terperanjat serta bersukachita
atas kemajuan yang telah di-perbuat berkenaan dengan se-
kolah2 baru, jalan2 raya baru, bangunan2 baru termasuk-lah
Pejabat Custom dan Pejabat Post yang telah saya saksikan.
Yang ta' asing ia-lah pembangunan Mesjid Negeri Brunei.
Saya perchaya bahawa Mesjid ini-lah nanti akan menarik per-
hatian para pendatang dari negeri2 lain. Sapanjang saya
lihat Mesjid ini-lah yang sahabat2 chantek, dan sudah sa-
patut-nya kamu penduduk2 Brunei berbangga terhadap bangunan
dan bentuk Mesjid ini. Saya juga ingin memberikan tahniah
kapada sesiapa saja yang mengambil peranan di-dalam kemajuan
yang menyebabkan bertambah-nya bangunan2, kerja2 dan jalan2

UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA 'AIDIL FITRI YANG BER-

HORLAT TUAN BRITISH RESIDENT J.O.

GILBERT

HARI RAYA ini ia-lah Hari Raya yang penghabisan bagi saya di-Brunei, sebagai British Resident, maka dari itu saya mengambil sedikit kesempatan untuk menyampaikan ucapan tahniah saya yang istimewa, di-tujukan kepada sekalian kaum umat Islam di-seluruh Negeri Brunei, bagi menyambut Hari Raya yang berbahagia lagi gunilang, dan tahun akan datang dengan aman damai serta makmur.

Perkerja'an yang besar sedang menanti tuan2, yang mana hendak di-selesaikan pada masa depan; yang terbesar sekali yang sedang tuan2 hadapi, yang mana tuan2 akan bernegah dan mengagong-ngagongkan di-atas upacara pembuka'an resmi Mesjid baharu tuan2 yang cemerlang itu. Kenangan upacara ini saya percaya akan menjadi satu penyerahan dari bapa kepada anak bagi beberapa keturunan dan akan terchatet di-lambaran sejarah Negeri Brunei.

Semoga Tohan memimpin tuan2 sekalian ka-jalan yang benar bagi perkembangan Negeri Brunei yang termasuk ka-dalam golongan bangsa yang berdemokratik serta mengambil bahagian penuh di-dalam lengkungan Bangsa Commonwealth.

Shawal, 1377 (T.M. 1958)

- sambongan dari muka 6 -
raya yang telah saya lihat.
Kapada kita Brunei ia-lah
sa-buah negeri yang indah
permai. Yang mengambil per-
hatian ramai ia-lah permaslu-
aratan berken'an dengan per-
lambaga'an yang masch dalam
perbinchangan. Sachara saha-
bat, ingin saya mengatakan
bahawa saya akan menunggu de-
ngan penuh pengharapan kepu-
tusan persidangan ini yang
mana akan menambahkan tang-
gung jawab atas segala hal
eliwal mengenai kemajukan naka-
yat.

Sekarang, biar-lah saya
membicharakan persidangan
pagi tadi - Persidangan tiga
Daerah. Daftar ingatan kita
penuh dengan perkara2 yang
kita telah perbinchangkan. ..
Dengan tidak membuang masa
kita berhasil membichangkan
beberapa perkara mustahak
yang tentu sekali di-sukai
oleh para penduduk tiga
daerah ini. Kita juga menge-
mukakan darihal berchuchok
tanam, perkakas baru untuk
station2radio, penerbangan

Awam, pergerakan kerja sa-
ma, buku pemandu baru, tanah
dan berkena'an sukat menyu-
kat, pembichara'an atas
undang2 di-antara Sarawak
dengan Borneo Utara, mejlis
bangunan2, darihal kapal2
perdagangan, darihal peruba-
tan, darihal penjaga'an de-
mam kura dan berkena'an
dengan beras. Sudah tentu
perbinchangan itu mempunyai
so'alan2 yang luas. Yang tadi
serta banyak lagi perkara
lain yang telah di-kemuka-
kan dalam persidangan itu
memberi keuntongan untuk
melaksanakan penadbiran
yang tetap, iktisad kita
serta memperbaiki segala2-
nya.

Perjumpa'an tadi sudah
berjalan kuasa-nya beberapa
tahun dan dari perjumpa'an
itu, sunggohpun perkara2
di-binchangkan bertujuan
hendak merapatkan chara2
penadbiran yang berlainan,
tetapi daripada-nya-lah me-
nimbulkan fikiran2 Pemerintahan
British dan wakil2 British
yang mungkin menunjukkan satu

HARI RAYA DI-BRUNEI, SEMBRAHYANG DI-PADANG, SULTAN BACHA KHOTBAH

Di-Brunei tahun ini akan meraikan Hari Raya Aidil Fiteri ia-lah pada Hari Sabtu 19hbl. April akan datang ini. Kalau kira-nya anak bulan tidak dapat di-lehat pada 18hbl. April 1958, maka Hari Raya Di-Brunei akan jatuh pada Hari Ahad, 20hbl. April, dan tidak-lah pada Hari Sabtu 19 haribulan itu.

Saperti juga tahun lalu, tahun ini juga Sembahyang Hari Raya akan bertempat di-Padang Besar Pekan Brunei dan dari-itu orang ramai di-minta membawa tikar masing2. Sembahyang akan di-mulai pada pukul 7.30 pagi dan Khotbah akan di-bacha oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan sendiri.

Samentara itu Duli Yang Maha Mulia Maulana ada-lah menjemput orang ramai, kalau mere ka hendak menziarahi baginda2 Sultan dan Sultanah di-Istana Darul-Hana ia-lah pada hari yang kedua Hari Raya.

Baginda Sultan telah pun melantek para penyambut orang datang ka-Istana seramai 39 orang.

Tahun lalu ramai orang2 yang telah menziarahi Baginda2 di-Istana, termasuk orang2 tua dan kanak2 ia-lah 7,903 orang.

BULAN SEPTEMBER AKAN DATANG INI BULAN SIBOK BAGI BRUNEI

Isti'adat berkhatan di-Raja, Hari Jadi Sultan dan Pembuka'an resmi Mesjid baharu Bandar Brunei jatuh di-penghujung bulan September (sembilan).

Sudah mulai sekarang jawatankuasa2 yang telah di-lantek mengadakan permashuaratan2 bagi mengandalikan isti'adat2 yang akan mengambil tempat pada penghujung bulan September akan datang ini. Jawatankuasa2 bagi tiap2 isti'adat tersebut sudah pun mereka rancangan2 dan menyesuaikan sebarang apa jua supaya lichin-nya nanti isti'adat2 itu diselenggarakan.

Hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-42, tahun ini jatuh pada Hari Thalatha 23hbl. September, isti'adat berkhatan bagi dua orang putera di-Raja ia-itu Yang Teramat Mulia Pengeran Muda Hassan Bulkiah dan Yang Teramat Mulia Pengeran Muda Mohammad Bulkiah jatuh pada 27hbl. September, dan pembuka'an resmi Mesjid Bandar Brunei pada 25hbl. September, 1958.

Oleh kerana pembuka'an Mesjid itu akan di-resmikan sahara besar2an berkebetulan pula berkaitan dengan masa isti'adat berkhatan maka jemputan2 khas telah baginda perentahkan supaya di-kirim, bukan sahaja kepada yang di-dalam negeri tetapi juga kepada negeri2 luar.

Di-antara-nya ia-lah 5 orang Sultan2 di-Malaya dan dua orang pembesar2 yang terkanan di-Malaya, dan beberapa orang pembesar2 yang lain. Pembesar2 dari Sarawak, Singapura dan Borneo Utara juga di-jemput menyaksikan isti'adat2 yang akan di-raikan sahara besaran2 dalam bulan September ini.